

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: TRANSKRIP WAWANCARA PERDANA MENTERI DGN WAKIL-WAKIL MEDIA
MASSA - PART 1

TEMPAT: RANCANGAN RTM 'BERSAMA PERDANA MENTERI'

TARIKH: 19 JUL 1995

MASA:

Part I

Dato Jaafar Kamin (Pengerusi):

Elok kalau saya perkenalkan dua orang wartawan yang Dato Seri sudah kenal, iaitu saudara Ahmad Nazri Abdullah, Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian dan Saudara Khalid Mohd, Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini pembangunan ekonomi sering dikaitkan dengan pemeliharaan alam sekitar baik di peringkat nasional mahu pun di peringkat antarabangsa atau global. Di negara kita sendiri kejadian tanah runtuh, kondominium runtuh, dan pembinaan empangan air seperti Projek Bakun di Sarawak telah menjadi perbincangan umum dan dalam perkembangan ekonomi negara yang terus berkembang soal gaji juga sering di perbincangkan. Bagi memulakan perbincangan elok Dato Seri saya tanya, sejauh manakah Projek Hidro Elektrik Bakun dapat membantu mempercepatkan proses perkembangan ekonomi negara kita khususnya daripada membantu ataupun akhirnya alternatif kepada tenaga minyak dan gas.

Y.A.B Dato Seri:

Yang pertamanya kita harus ingat bahawa penjanaan elektrik dengan menggunakan kuasa air adalah yang termurah sekali dan yang terbersih sekali. Dengan kerana itu kita harus menimbang kemungkinan menggunakan resource kita dari segi tenaga air. Kita dapati bahawa projek Bakun ini amat baik memandangkan bahawa kalau di Kenyir kawasan (reservoir) lebih kurang 39 ribu hektar diannya menjana sebanyak 400 megawatt sedangkan Bakun yang (reservoir) luasnya lebih kurang dua kali iaitu lebih kurang 69 ribu hektar, tetapi mampu menjana sebanyak 2,400 megawatt atau enam kali ganda daripada Kenyir. Dengan itu kita harus menggunakan sumber alam ini. Itu sebabnya kita buat keputusan untuk menggunakan Bakun di samping kita menggunakan tenaga-tenaga lain. Keperluan tenaga di negara kita meningkat dengan begitu pesat dan kita terpaksa menggunakan semua punca tenaga. Kalau kita bergantung kepada satu punca sahaja, kalau apa-apa terjadi, maka kita akan menghadapi masalah.

Encik Ahmad Nazri:

Ada pihak yang mempertikaikan mungkin projek haidro ini agak mahal kosnya kalau dibandingkan dengan jana kuasa yang berasaskan gas.

Y.A.B. Dato Seri :

Benar, tetapi gas adalah satu punca tenaga yang tidak kekal. Lama kelamaan gas di Malaysia juga akan habis. Sebaliknya kita percaya Bakun adalah kekal, iaitu selagi ada hujan selama itulah kita akan ada tenaga daripada Bakun. Walaupun pelaburan modal adalah tinggi tetapi untuk menjana kuasa sehari kegunaan wang tidak terlibat kerana ia (Bakun) cuma bergantung kepada pengaliran air sahaja. Jadi kalau gas, kita mesti beli gas, mesti bawa gas itu ke tempatnya, hendak digunakan mesti bakarnya dan macam-macam lagi perlu dibuat dan kos penjanaaan adalah lebih tinggi dengan gas daripada menggunakan air.

Encik Khalid Mohd :

Laporan penilaian kesan alam sekitar EIA menunjukkan projek Bakun membawa kesan yang buruk terhadap tumbuhan-tumbuhan, pokok dan species habitat di situ.

Memandangkan kesan buruk begitu besar kadang-kadang kita tertanya-tanya apakah projek ini betul-betul diperlukan oleh negara kita?

Y.A.B. Dato Seri:

Ialah kalau kita hendak tenggelamkan satu kawasan tentulah pokok-pokok itu mati. Tetapi kita kena ukur ini dengan hasil yang kita dapat daripadanya. Walau bagaimanapun kita memang menebang pokok dalam hutan dan memang pun kita terpaksa menggunakan hutan dalam keadaan tertentu. Kalau kita tidak menggunakan hutan kita sama sekali, kita tidak ada tempat untuk tinggal pun. Jadi kita harus menimbang daripada segi benefitnya kepada kita dan daripada segi kita meninggalkan keadaan yang semulajadi ini. Saya berpendapat bahawa kita harus rasional dalam perkara ini. Sementara kita mesti menjaga alam sekitar sebaliknya kita juga mesti mengambil berat tentang kehidupan kita, dan kehidupan kita perlu kepada sumber-sumber tertentu dan satu daripada sumber ini ialah tenaga yang boleh dijanakan oleh air. Kita mempunyai kawasan hutan yang terluas sekali daripada segi peratusannya. Malaysia mempunyai lebih 50 peratus kawasan yang mempunyai hutan dan kalau diambilkira taman-taman, kebun-kebun seperti getah dan kelapa sawit, lebih 70 peratus mempunyai pokok-pokok di Malaysia. Sedangkan di Eropah cuma tinggal 15 peratus daripada kawasan mereka yang mempunyai hutan dan itu pun bukan hutan seperti yang kita ada di sini. Jadi kita telah menjaga hutan kita tetapi sebahagian daripada hutan itu mestilah kita gunakan untuk kepentingan lain. Kalau dikatakan mempunyai kesan buruk, kalau kita kaji betul-betul daripada segi pengkajian yang dibuat, kesannya itu memang buruk tetapi daripada segi lain tidak ada kesan buruk

.

Encik Khalid Mohd:

Satu lagi perkara berhubung dengan Projek Bakun dan laporan EIA ialah kenapakah laporan EIA dipamerkan kepada orang ramai hanya setelah Kerajaan meluluskan projek itu sendiri? Ini memberi gambaran seolah-olah ada sesuatu yang hendak disembunyikan.

Y.A.B. Dato Seri:

Tidak. Ini memang amalan. Kita pameran setelah kita kaji untuk mendengar apa-apa teguran. Sebenarnya ada pihak-pihak seperti NGO umpamanya yang walau apa sekalipun laporan itu, mereka akan menolak dan dengan mereka tidak ada tolak ansur. Mereka tidak mahu sahaja tanpa mendengar apa-apa sebab. Jadi dengan mereka tidak ada cara kita hendak bertolak ansur tetapi kita pameran ini untuk kegunaan mereka yang faham tentang soal-soal alam sekitar. Kalau orang ramai, orang kampung umpamanya diberi laporan ini, tidak mungkin mereka faham pun. Ini bukan satu laporan yang mudah difahami kerana ianya begitu kompleks sekali dan ianya dibuat oleh pakar-pakar yang memang cekap dalam bidang ini. Dalam laporan, mereka menunjuk ada keburukan tetapi kebajikannya jauh lebih tinggi daripada keburukan. Sebab itu kita membuat keputusan.

Encik Ahmad Nazri:

Timbul kekeliruan sebab barangkali kebanyakan kenyataan yang berhubung dengan Bakun sekarang terbit daripada Syarikat Ekran Berhad sedangkan pihak Kerajaan agak kurang sedikit. Ada orang yang beranggapan barang kali projek Bakun ini akan diberi kepada Ekran sahaja. Apakah pihak-pihak lain tidak berpeluang?

Y.A.B. Dato Seri:

Tidak benar sama sekali. Sebenarnya kita melantik Ekran sebagai big company, syarikat yang menjadi memimpin ataupun mengetuai projek ini. Kita perlu kepada satu syarikat yang boleh membuat keputusan. Kalau kita ada 10 syarikat yang bergabung dengannya maka mustahil keputusan boleh dibuat sedangkan kita ingin melaksanakan projek ini dalam jangkamasa enam tahun sedangkan laporan berkata akan mengambil masa 12 tahun dan kalau 12 tahun kita banyak kerugian. Ekran tidak mengambil share yang banyak, sebenarnya dia menjadi minority share holder. Yang menjadi share holder termasuk jugalah Kerajaan Negeri Sarawak sendiri, pihak Bumiputera, badan-badan tertentu yang telah ditawarkan saham-saham. Ekran walaupun mempunyai minority share tetapi diberi tugas untuk melaksanakan projek ini kerana rekodnya yang menunjukkan bahawa dia berkebolehan untuk melaksanakan projek dengan cepat. Itu sahaja.

Dato Jaafar Kamin:

Mungkin apa yang dipanggil sebagai kesan 'bio-diversity' ingin dijadikan satu isu, misalnya apa jadi kepada 7,000 penduduk di kawasan yang terlibat. Apa jadi kepada ikan, tumbuhan dan binatang. Misalnya dalam kawasan yang 1.5 million hektar ini terdapat 800 spesies pokok. Katanya 67 adalah dari segi yang terkawal, 104 jenis ikan dan 229 dari spesies mamalia dan burung antaranya 43 adalah terkawal. Jadi mungkin perkara-perkara macam ini kepada NGO dan kepada orang biasa menjadi isu yang perlu mendapat penjelasan.

Y.A.B. Dato Seri:

Yang sebenarnya cuma NGO sahaja. Orang biasanya tidak mengambilkira berapa jenis binatang ataupun ular

ataupun nyamuk yang ada di situ. Dan semua binatang ini terdapat di kawasan lain. Yang hendak ditenggelamkan bukan sebanyak 1,500,000 hektar tetapi cuma 70,000 hektar. Jadi mereka membesar-besarkan seolah-olah kalau ditenggelamkan tempat ini hilanglah beratus-ratus jenis binatang, manusia dan sebagainya. Ini tidak benar sama sekali. Penduduk di situ akan dipindah ke tempat yang lain dan mereka akan diberi kemudahan yang lebih daripada yang terdapat semasa mereka berada di situ sekarang. Kita prihatin terhadap keadaan alam sekitar dan kita tidak akan membuat sesuatu yang menghilangkan satu punca yang begitu penting kepada kehidupan manusia. Ini tidak benar sekali. Ini diperbesar-besarkan untuk menarik, membangkitkan semangat marah kepada projek ini

.
Dato Jaafar Kamin:

Dan kalau sekiranya kita banding apa yang sudah berlaku kepada perairan begitu, katalah projek-projek di Semenanjung, Pergau dan juga tempat-tempat yang sudah mula menjadi tumpuan pelancong, misalnya ada di Pergau 50 kilometer panjang tasik dengan 200 pulau-pulau yang timbul asalnya di puncak bukit ini sekali ini mungkin mengambil masa banyak tahun tapi akhirnya berguna juga kepada industri.

Y.A.B. Dato Seri:

Ini memang begitu. Tasik kadang-kadang jadi dengan sendirinya. Kadang-kadang dibuat oleh manusia. Tiap kali kita buat dan kita ubah corak dia boleh menjadi satu kawasan yang lebih cantik. Kenyir, umpamanya, sekarang begitu menarik kerana mempunyai tasik dan siapa juga boleh menggunakan tasik (tersebut) sebagai tempat untuk berehat dan sebagainya. Dan tasik di Bakun ini akan menjadi satu daya penarik yang besar bagi pelancong bahkan kita ada rancangan untuk mengadakan eco-tourism di sini supaya semua orang boleh lihat keadaan di situ. Sedangkan kalau hutan walaupun kita tahu ada 250 jenis kera ataupun binatang tetapi jika tidak siapa dapat melihat, apa gunanya kepada kita. Kita hendak kecantikan sesuatu itu dapat dilihat. Kalau tidak kita mana tahu dia cantik ataupun tidak. Itu maksudnya.

Encik Khalid Mohd:

Selain daripada memindahkan penduduk dikawasan itu apakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan juga atau menanam semula pokok dan kehidupan lain yang berada di kawasan itu?

Y.A.B. Dato Seri:

Tidak perlu kita tanam semula kerana semua pokok-pokok itu ada di tempat-tempat yang lain di Sarawak dan di lain-lain negeri di Malaysia. Jadi yang kita harus tentukan ialah jenis-jenis pokok itu masih kekal bahkan kita juga ada projek 'reforestation' yang mana kita menanam pokok-pokok itu untuk menjadikannya sebagai sumber kayu umpamanya. Tetapi di Malaysia kita harus ingat tidak seperti di Eropah atau pun di padang pasir. Kita mempunyai hujan yang cukup banyak. Bahkan kalau

Kuala Lumpur ini, kalau kita tidak tebang pokok dan potong rumput, dalam jangka masa dua, tiga tahun, dia jadi hutan semula. Ini kebenaran. Kita tropical rain forest climate. Dia memang tumbuh dengan begitu. Sebab itu dalam kita punya dasar perhutanan, kita membenarkan lebih kurang enam sehingga lapan pokok besar ditebang di dalam satu ekar hutan dan pokok yang kecil ditinggalkan dan pokok yang kecil itu daripada jenis yang sudah ditebang. Dia akan membesar dan mengambil tempat tanpa kita buat sesuatu usaha penanaman semula. Ini kawasan hutan.

Encik Ahmad Nazri:

Berhubung dengan isu alam sekitar, tragedi kondominium tumbang dan juga tanah runtuh di Genting baru-baru ini meningkatkan kesedaran orang ramai. Ada pihak yang beranggapan bahawa tragedi ini berlaku mungkin disebabkan pembangunan yang berlebihan. Adakah ini benar?

Y.A.B. Dato Seri:

Tragedi alam sekitar ini berlaku kadang-kadang disebabkan oleh pembangunan tetapi kadang-kadang berlaku dengan sendirinya. Tanah runtuh bukan sahaja berlaku semasa kita ada pembangunan tetapi tidak ada pembangunan pun ada juga tanah yang runtuh. Kita harus rasional dalam perkara ini dan kita kaji betul-betul, siapa yang salah, apa yang dibuat yang dianggap salah. Dalam kes baru-baru ini di Genting, daripada kajian yang dibuat ia adalah apa yang dikatakan natural phenomena. Satu kejadian semulajadi, kerana air turun daripada bukit kerana hujan dia bertakung di satu tempat. Lama-lama kelamaan ia menjadi seperti tasik. Bila hujan terlalu lebat maka tebing tasik itu pecah dan air turun membawa batu dan tanah dan ianya kena kepada orang yang berada di situ. Sedangkan jalan yang dibuat masih elok, tidak ada apa-apa rosak daripada segi jalan yang dibuat. Ini daripada atas jalan. Jadi kita mesti ambilkira ini. Kalau kerana satu kejadian maka kita batalkan semua, ini nampak satu pendirian tidak rasional. Macam, saya minta maaf, kalau katakanlah sebenarnya kebanyakan orang mati semasa tidur di atas katil. Jadi kalau kita kata tidur atas katil banyak orang mati, kita jangan tidur atas katil, kita berdiri sahaja, tak akan boleh jadi begitu. Jadi patut rasionallah dalam perkara ini.

Encik Khalid Mohd:

Walaupun kita boleh rasional dalam perkara ini tetapi mahu tidak mahu kadar pembangunan yang sedang berjalan sekarang kadangkala nampak seolah-olah tidak terkawal. Kalau kita tengok di sekitar Lembah Kelang, bukit yang melingkari Lembah Kelang semakin banyak ditarah. Begitu juga di tempat-tempat lain. Baru-baru ini saya berada di USM Pulau Pinang, bukit di belakang USM sudah mula ditarah. Persoalannya apakah kita perlu membangun di kawasan-kawasan tersebut?

Y.A.B. Dato Seri:

Kita perlu membangun di kawasan-kawasan tersebut tetapi tidak semestinya kita potong bukit. Ini tabiat

developer di Malaysia. Perkara pertama sekali ialah ratakan tanah kalau ada tanah bukit. Ini tidak perlu. Sebenarnya kalau kita perhatikan di negara-negara lain, mereka juga membina bangunan di atas bukit tetapi bertingkat-tingkat. Kalau kedai yang berhubung-hubung pun, kedai yang kedua itu lebih tinggi daripada yang pertama, yang ketiga lebih tinggi daripada yang kedua dan jalan itu juga meningkat tanpa kita ratakan bukit. Tetapi tabiat di sini, kalau ada bukit, mesti diratakan, ditarah. Ini tidak perlu dan kita telah berkali-kali mengarah supaya tidak ada potongan dibuat kepada bukit tetapi kadang-kadang perkara ini nampak dilupakan oleh pihak-pihak tertentu. Sekarang ini Kerajaan Pusat membuat keputusan tiap rancangan mesti, yang pertamanya, membuat satu laporan dan disusuli dengan peta yang menunjuk gradient yang ada dan pokok-pokok yang lebih daripada lebih enam inci diameternya. Dengan itu kita boleh tentukan bagaimana hendak meletakkan bangunan-bangunan, samada kita perlu potong pokok ataupun tidak perlu potong pokok, sama ada kita perlu potong tanah ataupun tidak. Saya berpendapat tak perlu potong tanah. Banyak pokok tidak perlu dipotong kalau kita sanggup alih sedikit arah rumah itu dan ini telah kita lakukan, umpamanya di Hotel yang dibina di Langkawi. Di Malaysia ini kalau kita terbang (pokok) kita jadikan rumah-rumah yang dibina macam berek. Berderet-deret. Macam berek, tidak ada sedikit pun menarik. Saya mengambil banyak gambar dan menunjuk kepada Kabinet gambar ini dan telah pun bercakap dengan arkitek, dengan landscape artist, dengan semua, tentang perkara ini. Tetapi malangnya tabiat lama masih ada. Kalau hendak buat (projek rumah) hendak masukkan seberapa banyak rumah di dalam satu kawasan yang boleh dengan memotong semua pokok, potong semua tanah. Saya tak tahu apa lagi hendak buat. Kita berkali-kali meminta supaya jangan dibuat begitu. Dekat dengan lapangan terbang Subang ini, saya tengok dulu ada bukit-bukit kecil, sekarang sudah ditarah menjadi rata. Tak ada kecantikan alam, sudah hilang sama sekali. Ini tabiat developer, termasuk juga arkitek. Sebab itu kita kata sekarang ini semua pihak yang terlibat akan bertanggungjawab.

Encik Khalid Mohd:

Pokoknya Dato Seri, takkanlah Kerajaan hendak biarkan tabiat pemaju begitu. Kita mempunyai bermacam-macam undang-undang dan peraturan di mana kita boleh mengawal semua ini. Tapi saya nampak masalah ini ialah masalah kelemahan penguatkuasaan undang-undang.

Y.A.B. Dato Seri:

Saya akui. Apa lagi saya boleh kata. Kita telah buat arahan tetapi kadang-kadang on the ground tak berlaku. Apa yang kita telah putus dalam Kabinet pun kadang-kadang tidak dilaksanakan mungkin kerana mereka tidak dapat maklumat yang tepat. Saya pun tidak tahu apa sebabnya.